



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


16 SEPTEMBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 1,982 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 181,293 kes. Sebanyak 47 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu lapan (8) kes di Tawau, tujuh (7) kes di Sandakan, enam (6) kes di Tuaran, Lahad Datu dan Kota Kinabalu masing-masing mencatatkan lima (5) kes, empat (4) kes di Penampang, tiga (3) kes di Keningau, dua (2) kes di Kudat dan Beaufort manakala satu (1) kes di Putatan, Kalabakan, Pitas, Papar dan Semporna. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 1,098 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 153,427 orang. Manakala 4,364 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,541 orang di hospital, 2,720 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 96 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala tujuh (7) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 192 orang merangkumi 145 di ICU/repurposed kritikal care serta 47 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 62 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

5

Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- Kes keseluruhan bagi Sabah mencatatkan hanya sedikit penurunan berbanding angka semalam namun kembali berada di bawah paras (2,000) kes. Hari ini jumlah kes yang dicatat ialah (1,982) kes dengan penurunan sebanyak (-33) kes.

- b. Terdapat 14 daerah mencatatkan peningkatan kes dan 13 daerah lagi mencatatkan penurunan. Daerah yang mencatatkan peningkatan kes antaranya Kota Kinabalu (493) kes dengan peningkatan (+183) kes, Sandakan (+48) kes, Ranau (+38) kes, Telupid (+32) kes, Putatan (+21) kes, Tambunan (+14) kes, Lahad Datu (+10) kes dan Nabawan (+10) kes. Antara daerah yang mencatatkan penurunan ketara ialah Papar (-143) kes, Penampang (-65) kes, Kinabatangan (-42) kes, Tuaran (-32) kes, Kota Marudu (-28) kes, Kalabakan (-27) kes, Tenom (-26) kes, Kudat (-13) kes dan Kunak (-10) kes. Sungguhpun bilangan daerah mencatatkan peningkatan kes lebih banyak, namun jumlah penurunan kes adalah lebih besar. Terdapat (29) kes melibatkan OKT/banduan yang dicatat hari ini.
- c. Daripada (1,982) kes yang didaftar hari ini, (665) kes atau 33.55% adalah kes-kes lewat daftar antara 2 hingga 3 hari, (67) kes atau 3.38% adalah lewat daftar 4 hingga 5 hari dan (312) kes atau 15.74% adalah kes yang berdaftar lewat melebihi 5 hari.
- d. Saringan Kontak Rapat kekal penyumbang utama keseluruhan kes di Sabah hari ini dengan (1,101) kes atau 55.5%, Saringan Bergejala (701) kes atau 35.4%, sembilan (9) kes daripada Saringan Kluster dan (171) kes melalui Saringan Lain-lain.
- e. Kita juga mengambil perhatian bahawa peratusan kes melalui Saringan Bergejala (juga dikenali kes sporadik) di daerah Kota Kinabalu amat tinggi, iaitu hampir 48% daripada jumlah keseluruhan. Ini satu isyarat dan peringatan kepada semua untuk mematuhi semua SOP dengan serius kerana risiko jangkitan virus amat tinggi apabila berada di khalayak ramai.
- f. Daripada (1,982) kes yang berdaftar hari ini, (419) kes atau 21.14% adalah pesakit dalam Kategori 1, (1,452) kes atau 73.26% dalam Kategori 2, lapan (8) kes dalam Kategori 3, (15) kes dalam Kategori 4 dan lima (5) kes dalam kategori 5. (83) kes masih dalam siasatan. 92.23% daripada jumlah keseluruhan pesakit adalah warganegara Malaysia.
- g. Setakat 15 September 2021, menurut statistik CITF Negeri Sabah dengan mengambil kira penduduk Sabah Dewasa layak divaksin (2,758,400), 54.6% penduduk dewasa Sabah telah pun melengkapkan pengambilan vaksin dan 68.9% lagi telah memperolehi 1 dos.

h. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (1,101) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Bil. | Kategori Saringan | Bilangan Kes | Peratusan |
|---------------|-------------------|--------------|-------------|
| 1 | Kluster | 9 | 0.5% |
| 2 | Bergejala | 701 | 35.4% |
| 3 | Kontak | 1,101 | 55.5% |
| 4 | Bersasar | 0 | 0.0% |
| 5 | Lain-lain | 171 | 8.6% |
| JUMLAH | | 1,982 | 100% |

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (15 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

| Bil. | Daerah | Catatan Kes 15/09/2021 | Catatan Kes 16/09/2021 | Perbandingan |
|---------------|---------------|---------------------------|---------------------------|--------------|
| 1 | Kota Kinabalu | 310 | 493 | +183 |
| 2 | Sandakan | 158 | 206 | +48 |
| 3 | Ranau | 44 | 82 | +38 |
| 4 | Telupid | 27 | 59 | +32 |
| 5 | Putatan | 68 | 89 | +21 |
| 6 | Tambunan | 2 | 16 | +14 |
| 7 | Lahad Datu | 108 | 118 | +10 |
| 8 | Nabawan | 28 | 38 | +10 |
| 9 | Pitas | 52 | 57 | +5 |
| 10 | Semporna | 8 | 13 | +5 |
| 11 | Beluran | 51 | 55 | +4 |
| 12 | Tongod | 31 | 35 | +4 |
| 13 | Beaufort | 16 | 19 | +3 |
| 14 | Kuala Penyu | 2 | 3 | +1 |
| 15 | Papar | 232 | 89 | -143 |
| 16 | Penampang | 108 | 43 | -65 |
| 17 | Kinabatangan | 84 | 42 | -42 |
| 18 | Tuaran | 128 | 96 | -32 |
| 19 | Kota Marudu | 106 | 78 | -28 |
| 20 | Kalabakan | 44 | 17 | -27 |
| 21 | Tenom | 64 | 38 | -26 |
| 22 | Kudat | 43 | 30 | -13 |
| 23 | Kunak | 32 | 22 | -10 |
| 24 | Kota Belud | 96 | 87 | -9 |
| 25 | Sipitang | 10 | 2 | -8 |
| 26 | Keningau | 79 | 74 | -5 |
| 27 | Tawau | 84 | 81 | -3 |
| JUMLAH | | 2,015 | 1,982 | -33 |

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Kategori Kes | | | | | Bilangan Kes Baharu | Kes Terkumpul 14 Hari (02 – 15 September) |
|---------------|------------------|-----------------|--------------------|-------------------|--------------------|---------------------|---|
| | Saringan Kluster | Saringan Kontak | Saringan Bergejala | Saringan Bersasar | Lain-lain Saringan | | |
| Kota Kinabalu | 0 | 204 | 236 | 0 | 53 | 493 | 4,756 |
| Sandakan | 0 | 93 | 60 | 0 | 53 | 206 | 3,373 |
| Lahad Datu | 0 | 51 | 52 | 0 | 15 | 118 | 1,485 |
| Tuaran | 0 | 60 | 28 | 0 | 8 | 96 | 2,169 |
| Papar | 0 | 61 | 25 | 0 | 3 | 89 | 1,663 |
| Putatan | 0 | 30 | 56 | 0 | 3 | 89 | 1,015 |
| Kota Belud | 0 | 66 | 20 | 0 | 1 | 87 | 1,095 |
| Ranau | 0 | 61 | 18 | 0 | 3 | 82 | 788 |
| Tawau | 0 | 35 | 40 | 0 | 6 | 81 | 1,451 |
| Kota Marudu | 0 | 53 | 21 | 0 | 4 | 78 | 1,144 |
| Keningau | 2 | 48 | 22 | 0 | 2 | 74 | 1,217 |
| Telupid | 0 | 49 | 10 | 0 | 0 | 59 | 645 |
| Pitas | 0 | 44 | 13 | 0 | 0 | 57 | 599 |
| Beluran | 0 | 47 | 6 | 0 | 2 | 55 | 556 |
| Penampang | 0 | 28 | 14 | 0 | 1 | 43 | 1,651 |
| Kinabatangan | 1 | 31 | 8 | 0 | 2 | 42 | 788 |
| Tenom | 0 | 29 | 9 | 0 | 0 | 38 | 496 |
| Nabawan | 6 | 25 | 5 | 0 | 2 | 38 | 414 |
| Tongod | 0 | 23 | 12 | 0 | 0 | 35 | 342 |
| Kudat | 0 | 23 | 6 | 0 | 1 | 30 | 668 |
| Kunak | 0 | 14 | 7 | 0 | 1 | 22 | 391 |
| Beaufort | 0 | 12 | 5 | 0 | 2 | 19 | 331 |
| Kalabakan | 0 | 1 | 13 | 0 | 3 | 17 | 275 |
| Tambunan | 0 | 11 | 5 | 0 | 0 | 16 | 238 |
| Semporna | 0 | 2 | 5 | 0 | 6 | 13 | 240 |
| Kuala Penyu | 0 | 0 | 3 | 0 | 0 | 3 | 65 |
| Sipitang | 0 | 0 | 2 | 0 | 0 | 2 | 172 |
| JUMLAH | 9 | 1,101 | 701 | 0 | 171 | 1,982 | 28,027 |

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Nama Kluster | Jumlah Kes Baharu |
|---------------|-------------------------------|-------------------|
| Keningau | Kluster Pagar Sebrang | 2 |
| Nabawan | Kluster Sawit Simpang Batu 38 | 6 |
| Kinabatangan | Kluster Sawit Kinabatangan 2 | 1 |
| JUMLAH | | 9 |

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 7,311 unit

- Hospital 1,920 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,691 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.
- Hospital Swasta 28

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 59.69%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 16 SEPTEMBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

| Import/Tempatan | |
|------------------------------------|--------------|
| Tempatan | 1,939 |
| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | 1 |
| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | 13 |
| Orang Dalam Tahanan /Banduan | 29 |
| Jumlah | 1,982 |

| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | |
|--|-----------|
| WP Kuala Lumpur | 6 |
| Johor | 2 |
| Sarawak | 2 |
| Selangor | 3 |
| Jumlah | 13 |

| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | |
|---|----------|
| New Zealand | 1 |
| Jumlah | 1 |

ii. Kewarganegaraan

| Kewarganegaraan | |
|------------------------|--------------|
| Malaysia | 1,828 |
| Bukan Malaysia | 154 |
| Jumlah | 1,982 |

iii. Status Vaksinasi

| Status Vaksinasi | |
|-------------------------|--------------|
| Belum Layak Vaksin | 528 |
| Belum Menerima Vaksin | 578 |
| Menerima 1 Dos | 170 |
| Lengkap 2 Dos | 706 |
| Jumlah | 1,982 |

iv. Umur

| Umur (Tahun) | |
|---------------------|--------------|
| <1 | 31 |
| 1 to 5 | 150 |
| 6 to 17 | 347 |
| 18 to 59 | 1,267 |
| >60 | 187 |
| Jumlah | 1,982 |

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

| BIL | DAERAH | BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 16 September 2021) |
|---------------|---------------|--|
| 1 | Ranau | 8 |
| 2 | Kota Kinabalu | 6 |
| 3 | Kudat | 3 |
| 4 | Papar | 3 |
| 5 | Tawau | 3 |
| 6 | Kota Marudu | 2 |
| 7 | Keningau | 2 |
| 8 | Beluran | 2 |
| 9 | Kota Belud | 2 |
| 10 | Putatan | 2 |
| 11 | Lahad Datu | 1 |
| 12 | Tenom | 1 |
| JUMLAH | | 35 |

D PANGGUNG WAYANG DIBENARKAN BEROPERASI MULAI SABTU 18 SEPTEMBER 2021

- 1 Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan membenarkan panggung wayang untuk beroperasi mulai Sabtu, 18 September 2021. Ini adalah selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan untuk membenarkan premis-premis seperti ini beroperasi.
- 2 Aktiviti panggung wayang ini dibenarkan beroperasi dengan syarat pekerja dan penonton telah lengkap divaksin, dan dengan kapasiti 50% dewan tayangan pawagam.

E PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

| BIL | Lokaliti PKPD | Tarikh Mula PKPD | Cadangan |
|-----|--|------------------|--|
| 1. | Dua (2) lokaliti di Kota Kinabalu <ul style="list-style-type: none"> • Taman Keramat • Angkasa Apartment | 4 September 2021 | Ditamatkan pada 17 September 2021 seperti yang dijadualkan |

F STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

Penduduk yang menerima vaksin pada hari ini berjumlah 8,795 orang menjadikan kumulatif sebanyak 1,900, 617 orang bersamaan 68.9% populasi dewasa yang sudah menerima vaksin

G BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **604,710** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

H LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 84 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 33,914 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 101 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 51 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 16 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Dua (2) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
 - Dua (2) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
 - 12 Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 130 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 44 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat iaitu di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002 (JPDS).
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 759 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada notis/amaran dan kompaun dikeluarkan oleh PBT.
 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 490 premis perniagaan dan 835 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Waznah Fashion, Aeropod. Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 281 Premis Perniagaan melibatkan 168 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 160 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 12 premis, melibatkan lapan (8) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 374 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 14 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 200 hebahan di seluruh Sabah.

I KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **96.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|-----|---------------|---------|
| 1 | Semporna | 96.5% |
| 2 | Tuaran | 96.5% |
| 3 | Sipitang | 96.5% |
| 4 | Tenom | 96.5% |
| 5 | Beluran | 96.5% |
| 6 | Kota Belud | 96.5% |
| 7 | Kunak | 96% |
| 8 | Tawau | 96% |
| 9 | Kinabatangan | 96% |
| 10 | Keningau | 96% |
| 11 | Penampang | 96% |
| 12 | Kota Marudu | 96% |
| 13 | Lahad Datu | 96% |
| 14 | Ranau | 96% |
| 15 | Papar | 96% |
| 16 | Beaufort | 96% |
| 17 | Sandakan | 96% |
| 18 | Kota Kinabalu | 96% |
| 19 | Kudat | 95.5% |

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**